

**SIKAP KONTRAKTOR DAN KLIEN TERHADAP KESELAMATAN  
PEMBINAAN**

**MUHAMMAD FAUWAZ BIN IDRIS**

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2011

## **PENGHARGAAN**

Sepanjang kajian ini, saya telah berhubung dengan pelbagai pihak iaitu ahli-ahli akademik, pengkaji-pengkaji, pegawai perpustakaan, keluarga dan rakan-rakan. Mereka telah menyumbang idea dan kefahaman terhadap kajian saya. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Razali Adul Hamid yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, sokongan dan motivasi sepanjang tempoh kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada ahli keluarga saya, terutamanya mama dan baba yang selama ini memberikan galakan kepada saya dan sentiasa berada di samping saya tak kira susah atau senang.

Seterusnya, pegawai-pegawai perpustakaan juga patut diberikan penghargaan di atas kerjasama mereka dalam membekalkan pelbagai informasi yang sangat berguna bagi kajian saya. Rakan-rakan seperjuangan tak saya lupakan, terima kasih di atas persahabatan yang selama ini kalian jalinkan.

## ABSTRAK

Industri binaan merupakan suatu industri yang berisiko tinggi. Dunia hari ini menyaksikan perkembangan industri binaan yang semakin pesat. Namun, pelbagai masalah timbul ekoran dari perkembangan ini dan salah satunya adalah masalah dari aspek keselamatan pembinaan. Dalam industri pembinaan, komitmen dalam menghasilkan perubahan yang perlu untuk memastikan keselamatan terjamin adalah perkara yang paling penting dalam pemikiran seseorang. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti sikap kontraktor dan klien terhadap keselamatan pembinaan. Responden kajian ini adalah kontraktor dan klien dalam industri binaan. Instrumen kajian ini adalah borang soal selidik. Perisian komputer *Statistical Packages for Social Sciences* digunakan untuk menganalisis data. Ujian Mann Whitney U digunakan untuk mengenalpasti perbezaan sikap kontraktor dan klien. Kajian mendapati bahawa kontraktor dan klien bersikap positif dalam ketiga-tiga komponen sikap iaitu kognitif, afektif dan perilaku terhadap keselamatan pembinaan. Namun, kontraktor telah dikenalpasti lebih bersikap positif berbanding dengan sikap klien hasil daripada purata skor keseluruhan ketiga-tiga komponen sikap.

## ABSTRACT

Construction industry is a high risk industry. The world today has changed extremely in terms of industrial development. However, various problems arise as a result of this development especially in term of construction safety. In construction industry, commitment in generating required changes to ensure the construction safety is vital in someone's thoughts. The study was to identify the attitudes of contractors and clients towards construction safety. The respondents for the study were the contractors and clients involved in construction industry. The research instrument was questionnaires. Data were then be analyzed by using *Statistical Packages for Social Sciences*. Mann Whitney U test was used to determine the significant differences between the contractors and the clients. The study found out that the attitudes of the contractors and the clients were positive in the three components cognitive, affective and behavioral. However, the contactors was found out to have more positive attitudes compared to the clients as the result of the overall mean score of the three attitudes components.